



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL.9/2001**

**PEMBATALAN PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN TRANSPERSONAL  
RESOURCES (M) SDN BHD DI BAWAH SKIM PROLUS/PERLA**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada majikan bahawa Penyedia Latihan Transpersonal Resources (M) Sdn Bhd yang beralamat di No. 15, Jalan PJS 11/28, Bandar Sunway Metro, 46150 Petaling Jaya telah dibatalkan pendaftarannya di bawah Skim PROLUS/PERLA dan tidak dibenarkan lagi untuk mengambil bahagian dalam mana-mana skim anjuran Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

**2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 Adalah dimaklumkan bahawa Penyedia Latihan Transpersonal Resources (M) Sdn Bhd telah didakwa dan didapati bersalah di bawah seksyen 7, Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 atas 4 pertuduhan kerana bantuan kewangan secara salah daripada MPSM (PSMB).
- 2.2 Sehubungan itu, pendaftaran penyedia latihan tersebut di bawah Skim PROLUS/PERLA dibatalkan. Ini bermakna keseluruhan program latihan/kursus Transpersonal Resources (M) Sdn Bhd yang disenaraihitamkan di bawah Skim PROLUS/PERLA turut terbatal.
- 2.3 Penyedia Latihan Transpersonal Resources (M) Sdn Bhd juga tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam mana-mana skim anjuran PSMB.
- 2.4 Adalah ditegaskan bahawa, sekiranya majikan yang berdaftar dengan PSMB menjalani apa-apa kursus dengan penyedia latihan Transpersonal Resources (M) Sdn Bhd, mereka tidak layak untuk menuntut apa-apa bantuan kewangan dari Kumpulan Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM).

**3.0 PENUTUP**

- 3.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "**  
**"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"**

Yang ikhlas,

**(SHARIL B. HASSAN)**

b.p. Ketua Eksekutif  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

s.k Penyedia Latihan PROLUS